

R

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACM-3178
INV.....
31/1/2001

AMALAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA
ORANG-ORANG ISLAM DI DAERAH MUAR, JOHOR

ABD. SHAKOR BIN BORHAM

BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH.
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM, UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
1999

Perpustakaan Universiti Malaya



A510033233

Dimikrofiksikan pada..... 06.09.0002.....
No. Mikrofis..... 19200.....
Jumlah Mikrofis..... 4.....

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI
UPR UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA

AMALAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA
ORANG-ORANG ISLAM DI DAERAH MUAR, JOHOR

Oleh:

Abd. Shakor bin Borham

Disertasi ini untuk memenuhi
keperluan Ijazah Sarjana Syariah,
Bahagian Pengajian Syariah,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya.

Universiti Malaya
Kuala Lumpur
1999

ABSTRACT

In general, this research did a summmary evaluation on a usage of the inheritance system among the Muslims in Malaysia since the comming of Islam till the present moment. Specifically, Daerah Muar was choosen as a case study to look into the current practice of the inheritance system among the Muslims.

During the early days of Islam in Malaysia. majority of the Muslims community adopted the Islamic inheritance system, while a few adopted the traditional system of inheritance (adat). Later, with the comming of the British in 1786, British inheritance system was introduced through one provision in the Mahomedan Ordinance 1880. (No. 5 of 1880). However, British allowed the Muslim to use the Islamic inheritance system with one amendment to the Mahomedan Ordinance (Amendment) 1923, (No. 26 of 1923).

In terms of inheritance administration. British introduced the Enactment Probet and Administration in 1900. This include the inheritance distribution for both Muslims and non-Muslims. However, in determining the recipient of the legacy and the rate of inheritance to be distributed among the Muslims, it was put under the states Jabatan Agama

Islam, Mahkamah Kadi Besar and Mahkamah Kadi. In general, this procedure is still being adopted up till the present day even after independence but with the minor changes. This is to ensure that the administration and distribution of inheritance are efficient. The same procedure is still being used in Daerah Muar, Johor.

From the research, it was found out that the distribution procedure used by the Muslim in Daerah Muar fall between two procedures, '*farā'id*' and '*muafakat*' and none used the traditional custom's distribution (*adat*).

In conclusion, it can be seen that the administration and the inheritance distribution system among the Muslims in Daerah Muar followed to the regulation adopted. It also fulfilled the objective of inheritance distribution in Islam.

Thanks, wassalam.

ABSTRAK

Kajian ini membuat penelitian ringkas terhadap pemakaian sistem pusaka orang-orang Islam semenjak kedatangan Islam ke Tanah Melayu sehingga hari ini. Bagi mencapai tujuan ini, Daerah Muar, Johor dipilih sebagai kajian kes untuk melihat sejauhmana amalan pembahagian harta pusaka dilaksanakan di kalangan orang-orang Islam pada masa kini.

Pada awal kurun kedatangan Islam ke Tanah Melayu. sebahagian besar masyarakat Islam di negara ini telah menerima pakai sistem pusaka Islam. Manakala sebahagian kecil pula menerima pakai sistem pusaka berdasarkan adat. Apabila kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu pada tahun 1786. mereka telah memperkenalkan pemakaian sistem pusaka Inggeris melalui satu peruntukan di dalam Mahomedan Ordinance 1880. (No. 5 tahun 1880). Walau bagaimanapun, Inggeris telah memberakui pemakaian sistem pusaka Islam melalui pindaan ke atas Mahomedan Ordinance 1923, (No. 26 pindaan tahun 1923).

Manakala dalam urusan pentadbiran pusaka di Tanah Melayu, Inggeris telah memperkenalkan Enakmen Probet dan Pentadbiran 1900. Ia merangkumi urusan pembahagian pusaka bagi orang-orang Islam dan bukan Islam. Tetapi dalam penentuan waris dan kadar pusaka orang-orang Islam, ia

diletakkan di bawah bidangkuasa Jabatan Agama Islam negeri-negeri, Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi. Pada dasarnya, prosedur ini terus diterima pakai walaupun negara telah mencapai kemerdekaan tetapi dengan beberapa perubahan kecil bagi mengemaskinikan urusan pentadbiran dan pembahagian harta tersebut. Prosedur ini juga diamalkan di Daerah Muar.

Hasil daripada kajian ini menunjukkan kaedah pembahagian yang diamalkan oleh orang-orang Islam di Daerah Muar tidak terkeluar daripada dua kaedah iaitu kaedah *farā'id* dan kaedah persetujuan bersama (muafakat) dan tidak menggunakan kaedah pembahagian berdasarkan adat.

Secara kesimpulannya didapati, sistem pentadbiran dan kaedah pembahagian pusaka orang-orang Islam di Daerah Muar telah diamalkan secara teratur mengikut akta-akta dan peraturan yang ditetapkan. Ia juga menepati matlamat pembahagian harta pusaka yang dianjurkan di dalam Islam.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

SYNOPSIS

This dissertation is about research done on the practice of inheritance distribution among the Muslims in Daerah Muar, Johor. The research focussed on the usage of distribution inheritance system among the Muslims in Daerah Muar since it was introduced till the present moment.

In the first chapter, the writer discussed briefly on Islamic inheritance system based in the al-Quran and al-Hadith. It also covers the history of the inheritance system before and after Islam, which include during the Jahiliah and among the Yahudi community.

The second chapter will discussed on the situation of wealth owned by the Muslims in Daerah Muar. It covers personal property and landed property administered by the government agencies. The chapter will also discussing on the ownership given to the landed property administered by the government agencies and the right of the settler after the ownership were given. The chapter also discusses briefly from Islamic perspectives and law provision with the '*harta sepencarian*'.

Chapter three will discussed on the administration of inheritance in Daerah Muar. It covers all the provision

and regulation in the matters of administration and distribution of inheritance from personal property or landed property administered by the government agencies. This involved the agencies which deal with the administration and distribution of inheritance in Daerah Muar. Lastly, the chapter ends with discussion on the procedure of inheritance distribution in this district.

In chapter four, writer will be discussing on the distribution and procedure practice by the Muslims in Daerah Muar. It was both personal property and landed property administered by the government agencies. The chapter will also analyses the successful method and procedure choosen to solve the problems of wealth distribution. This chapter ends with identifying the sources of weaknesses and problems in the process of administrating and distributing of inheritance in Daerah Muar.

In last chapter, it will try to formulate the discussion by giving recomendations and suggestions on how to improve the weaknesses in the running of administration and distribution of inheritance in Daerah Muar.

SINOPSIS

Disertasi ini memperlihatkan kajian dalam aspek amalan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam di Daerah Muar. Johor. Kajian ini memberikan tumpuan terhadap pemakaian sistem pembahagian pusaka yang diamalkan di daerah ini sejak ia mula dilaksanakan sehingga hari ini.

Di dalam bab pertama, penulis membincangkan secara ringkas konsep pusaka di dalam Islam sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran dan al-Hadith. Ia turut memuatkan sejarah pemakaian sistem pusaka sebelum dan selepas kedatangan Islam. Ini termasuklah di zaman Jahiliah dan di kalangan masyarakat Yahudi.

Di dalam bab kedua, penulis membincangkan kedudukan harta yang dimiliki oleh orang-orang Islam di Daerah Muar. Ia meliputi harta milik persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan. Ia juga membincangkan proses pemberian hakmilik ke atas harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan dan hak peneroka selepas pemberian hakmilik tersebut. Selain daripada itu, bab ini turut membincangkan sepintas lalu berkaitan dengan tuntutan harta sepencarian suami isteri di Daerah Muar termasuklah dari kaca mata Islam dan melalui peruntukan undang-undang.

Bab ketiga pula membincangkan tentang pentadbiran harta pusaka di Daerah Muar. Ia meliputi semua Akta dan peraturan yang berkaitan dengan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka sama ada ke atas harta milik persendirian atau harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan. Ia juga membincangkan mengenai agensi-agensi yang mengendalikan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di Daerah Muar. Bab ini diakhiri dengan membincangkan prosedur pembahagian pusaka di daerah ini.

Di dalam bab keempat pula, penulis membincangkan tentang kaedah pembahagian yang diamalkan oleh orang-orang Islam di Daerah Muar. Ia merangkumi ke atas harta milik persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan. Bab ini juga akan menganalisa sejauhmana pemilihan sesuatu kaedah pembahagian ini berjaya menyelesaikan urusan pembahagian harta tersebut. Bab ini diakhiri dengan mengenalpasti punca kelemahan dan permasalahan dalam mengendalikan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di Daerah Muar.

Bab kelima pula merupakan bab terakhir dalam kajian ini. Ia merumuskan segala perbincangan yang berkaitan kajian ini dengan memberikan beberapa saranan dan cadangan bagi memperbaiki segala kelemahan dalam mengendalikan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di Daerah Muar.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran penulis panjatkan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan segala rahmatNya, penulis dapat menyempurnakan kajian ini dalam rangka melengkapi satu tugas Program Ijazah Tinggi di Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Sehubungan itu, setinggi-tinggi ucapan terima kasih penulis tujukan kepada Yang Berbahagia Prof. Madya Abdul Kadir bin Haji Muhammad selaku penyelia disertasi ini, yang telah bersusah payah memberi tunjuk ajar serta nasihat kepada penulis sepanjang penulisan disertasi ini dilakukan. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Prof. Datuk Paduka Dr. Mahmood Zuhdi bin Hj. Abd. Majid, selaku Pengarah Akademi Pengajian Islam, yang telah memberi dorongan kepada penulis untuk meneruskan pengajian di peringkat ini. Juga, kepada semua kakitangan di Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar, Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Amanah Raya Berhad cawangan Muar dan Wilayah Persekutuan, Pejabat Tanah Daerah Muar, Mahkamah Syariah Muar, Mahkamah Tinggi Muar, Bahagian Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam serta semua pihak yang memberi kerjasama penuh sama ada terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penulisan disertasi ini.

Tidak ketinggalan juga, ucapan terima kasih ini ditujukan kepada sahabat-sahabat yang telah banyak membantu dan memberi sokongan serta nasihat sehingga penulisan disertasi ini berjaya disempurnakan, teristimewa buat isteri dan anak-anak penulis yang dikasihi, Dr. Zaleha Jailani, Muhammad Faiz dan Nor Amira.

Akhirnya, jutaan kemaafan penulis pohonkan di atas segala kesilapan dan kekurangan yang berlaku dalam menyempurnakan kajian ini dan anggaplah ia sebagai kelemahan diri penulis sendiri. Semoga Allah s.w.t memberi keredhaan dan keberkatan kepada kita semua.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

Abd. Shakor bin Borham,
Bahagian Pengajian Syariah,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Safar 1420H
Mei 1999M

DAFTAR ISI

ABSTRACT	i
ABSTRAK	iii
SYNOPSIS	v
SINOPSIS	vii
PENGHARGAAN	ix
DAFTAR ISI	xi
TERJEMAHAN DAN TRANSLITERASI	xvi
KEPENDEKAN	xix
SENARAI STATUT	xxi
SENARAI KES	xxiv
SENARAI JADUAL	xxv
SENARAI LAMPIRAN	xxvi
PENDAHULUAN	xxviii

BAB PERTAMA

SISTEM PUSAKA ISLAM

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pengertian Pusaka Di Dalam Islam	3
1.3 Dalil Pensyariatan Pusaka	5
1.4 Rukun-rukun Pusaka	8

1.5 Sebab-sebab Penerimaan Pusaka	10
1.6 Sebab yang menghalang seseorang menerima pusaka	12
1.7 Konsep Peninggalan (<i>al-Tarikah</i>)	15
1.8 Pemakaian sistem Pembahagian Harta Pusaka	23
1.8.1 Sebelum Kedatangan Islam	24
1.8.2 Selepas kedatangan Islam	26
1.9 Kesimpulan	32

BAB KEDUA

KEDUDUKAN HARTA ORANG-ORANG ISLAM DI DAERAH MUAR

2.1 Pengenalan	46
2.2 Harta Milik Persendirian	53
2.3 Harta Yang Ditadbir oleh Agensi Kerajaan	56
2.3.1 Tanah Rancangan Felda (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan)	57
2.3.1.1 Pemberian Hakmilik Tanah Rancangan Felda	61
2.3.1.2 Hak Peneroka selepas Pemberian Hakmilik	65
2.3.2 Tanah Felcra (Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan)	66
2.3.2.1 Proses Penyerahan Hakmilik Tanah Kepada Felcra	70
2.3.3 Tanah Rancangan Berkelompok	71

2.4 Harta Sepencarian Antara Suami Isteri	75
2.4.1 Harta Sepencarian Menurut Pandangan Islam	77
2.4.2 Tuntutan Harta Sepencarian di Malaysia	80
2.5 Kesimpulan	82

BAB KETIGA

PENTADBIRAN HARTA PUSAKA DI DAERAH MUAR

3.1 Pengenalan	91
3.2 Undang-undang Pentadbiran Pusaka di Malaysia	94
3.2.1 Zaman Sebelum Merdeka	94
3.2.2 Zaman Selepas Merdeka	100
3.2.2.1 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98)	101
3.2.2.2 Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959 (Akta 97)	103
3.2.2.3 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532)	104
3.2.2.4 Undang-undang lain yang berkaitan	108
3.3 Agensi Perlaksana Harta Pusaka di Daerah Muar	111
3.3.1 Bahagian Pusaka, Pejabat Tanah Daerah Muar ..	111
3.3.2 Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar	112
3.3.3 Amanah Raya Berhad	113
3.3.4 Mahkamah Syariah	114
3.3.5 Mahkamah Tinggi	114

3.4 Prosedur Pembahagian Harta Pusaka Di Daerah Muar ...	115
3.4.1 Harta Milik Persendirian	115
3.4.1.1 Unit Penyelesai Pusaka Kecil	115
3.4.1.2 Amanah Raya Berhad	121
3.4.1.3 Mahkamah Tinggi	124
3.4.2 Harta Yang ditadbir oleh Agensi Kerajaan	126
3.4.2.1 Tanah Rancangan Felda	127
3.4.2.2 Tanah Felcra	130
3.4.2.3 Tanah Rancangan Berkelompok	132
3.5 Kesimpulan	133

BAB KEEMPAT

KAEDAH PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA DI DAERAH MUAR

4.1 Pengenalan	149
4.2 Kaedah Pembahagian Harta Pusaka Di Daerah Muar	150
4.2.1 Harta Milik Persendirian	150
4.2.2 Harta Yang Ditadbir oleh Agensi Kerajaan	159
4.3 Analisa Kaedah Pembahagian dan Sebab-sebabnya	167
4.3.1 Harta Milik Persendirian	167
4.3.1.1 Sebab-sebab Pemilihan Kaedah Pembahagian	171
4.3.2 Harta Yang Ditadbir oleh Agensi Kerajaan	175
4.3.2.1 Sebab-sebab Pemilihan Kaedah Pembahagian	177

4.4 Permasalahan Dalam Menyelesaikan Urusan Pembahagian	
Harta Pusaka Di Daerah Muar	181
4.4.1 Masalah di Kalangan Ahli Waris	181
4.4.2 Masalah Pentadbiran	182
4.4.3 Masalah Perundangan	184
4.5 Kesimpulan	188

BAB KELIMA

PENUTUP

5.1 Kesimpulan dan Rumusan	201
 BIBLIOGRAFI	220

TERJEMAHAN DAN TRANSLITERASI

TERJEMAHAN

Terjemahan ayat-ayat al-Quran ke dalam bahasa Melayu di dalam disertasi ini berpandukan kepada *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (30 Juz)*, yang diterjemahkan oleh Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeih (1992), cetakan kelima, diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

TRANSLITERASI

Sistem ejaan rumi yang digunakan di dalam disertasi ini berpandukan kepada *Daftar Ejaan Rumi, Bahasa Malaysia (1987)*, diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Sistem transliterasi dari huruf Arab ke huruf rumi berpandukan kepada *Istilah Agama Islam (1986)*, diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur:

Huruf Arab	Transliterasi
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h

خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	s̪
ض	d̪
ط	t̪
ظ	z̪
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه	h
ء	'
ي	i/y

Huruf (ة) marbutah ditransliterasikan menjadi H dan
mana-mana perkataan Arab yang telah diterima sebagai perkata-

taan Melayu dieja mengikut perkataan yang digunakan di dalam Bahasa Melayu. Tanda (-) yang digunakan ke atas huruf a, u, dan i adalah menunjukkan panjang. Contohnya: al-Ma'idah, al-'Imran dan lain-lain.

Berhubung dengan artikel (ال) sama ada (الْقَمْرِيَّةِ) al-Qamariah atau (ال) al-Syamsiah (الشَّمْسِيَّةِ) kedua-duanya ditransliterasikan menjadi (al-). Contohnya al-Syahsiah, al-Mughni dan sebagainya.

Catatan

Semua ejaan dalam petikan (*quotation*) dikekalkan seperti asal.

KEPENDEKAN

Bhd.	: Berhad.
Bil.	: Bilangan.
Cap.	: Capter.
Dr.	: Doktor.
ed.	: edit.
Felcra	: Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority.
Felda	: Federal Land Development Authority.
F.M.S	: Federated Malay States.
F.M.S.L.R	: Federated Malay State Law Report.
GSA	: Group Settlement Areas.
hal.	: Halaman.
H	: Hijrah.
hb.	: Haribulan.
Hj.	: Haji.
Ibid.	: In the same place.
Ibn.	: Ibnu.
Jil.	: Jilid.
JMBRAS	: Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society.
Ltd.	: Limited.
M	: Masihi.
M.L.J.	: Malayan Law Journal.
No.	: Nombor.

op.cit.	: In the work cited.
Ord.	: Ordinan.
Per.	: Perkara.
Prof.	: Profesor.
r.a.	: Radiallahu `Anhu.
Sdn.	: Sendirian.
s.a.w	: Sallallahu `Alaihi Wasallam.
s.w.t	: Subhanahu Wa Ta`ala.
t.t	: Tanpa Tarikh.
UM	: Universiti Malaya.
Vol.	: volume.

SENARAI STATUT

- Akta Hakmilik Strata 1985, (No. 318)
- Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, (No. 98).
- Akta Kanun Tanah Negara (Hak Milik Pulau Pinang dan Melaka) 1963, (No. 2).
- Akta Kanun Tanah Negara (Hak Milik Pulau Pinang dan Melaka) 1965, (pindaan) 1965, (No. 55).
- Akta Kesahtarafan Anak 1961, (No. 60).
- Akta Keterangan 1950, (No. 56).
- Akta Kontrak 1950, (No. 136).
- Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan 1966, (No. 22).
- Akta Pemegang Amanah 1949, (No. 208).
- Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957, (No. 61).
- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993, (No. 505).
- Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995, (No. 532).
- Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959, (No. 97).
- Akta Tafsiran 1967, (No. 23).
- Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, (No. 13).
- Akta Umur Dewasa 1971, (No. 21).
- Enakmen Pegangan Tanah Adat Negeri Sembilan 1909, (Cap. 125).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978, (No. 14).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 1960, (No. 15).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang 1982, (No. 8).

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 1965, (No. 11).

Enakmen Pentadbiran Hal-Ehwal Agama Islam Terengganu 1986, (No. 12).

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perlis 1964, (No. 3).

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pulau Pinang 1959, (No. 3).

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor 1989, (No. 2)

Enakmen Probet dan Pentadbiran Negeri Sembilan 1900, (No. 9).

Enakmen Probet dan Pentadbiran Negeri Pahang 1900, (No. 10).

Enakmen Probet dan Pentadbiran Negeri Perak 1900, (No. 7).

Enakmen Probet dan Pentadbiran Negeri Selangor 1900. (No. 5).

Enakmen Rezab Melayu Johor 1936, (No. 1).

Enakmen Rezab Melayu Kedah 1349H, (No. 63).

Enakmen Rezab Melayu Kelantan 1930, (No. 18).

Enakmen Rezab Melayu Perlis 1935, (No. 7).

Enakmen Rezab Melayu Terengganu 1941, (No. 17).

Enakmen Wasiat 1959, (No. 38).

Mahomedan Ordinance 1880, (No. 5).

Mahomedan Ordinance 1880 (Amendment) 1923, (No. 26).

Johore Land Enactment 1935, (No. 1).

Kanun Tanah Negara 1965, (No. 56).

Kaedah-kaerah Mahkamah Tinggi 1980.

Kedah Land Enactment 1913, (No. 56).

Kelantan Land Enactment 1938, (No. 26).

Land Code 1926, (Cap. 138).
Ordinan Anak Angkat 1952, (No. 41).
Ordinan Cacat Akal 1952, (No. 31).
Ordinan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. (No. 34).
Ordinan Kemajuan Tanah 1956, (No. 20).
Ordinan Pemegang Amanah 1949, (No. 208).
Ordinan Pemegang Amanah Raya 1950, (No. 247).
Peraturan-peraturan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, (No. 495).
Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957.
Warta Kerajaan Johor 1931, (No. 16).

SENARAI KES

- Boto' bt. Taha lawan Jaafar bin Muhammad* (1985). Jurnal Hukum 1985, hal.76
- Haji Ramah lawan Alpha* (1924), 4 FMSLR. 179.
..... hal.90
- Hajjah Lijah bt. Jamal lawan Fatimah bt. Mat Diah* (1950). MLJ. 63 hal.76
- Hajjah Saudah lawan Hanafi dan lain-lain* (1992). Jurnal Hukum 1992 hal.80
- Piah bt. Said lawan Che Lah bin Awang* (1983). Jurnal Hukum 1983, Jilid. 2 hal.76

SENARAI JADUAL

JADUAL 1: JUMLAH PENDUDUK MENGIKUT PECAHAN KAUM-KAUM
DI DAERAH MUAR SEHINGGA DISEMBER 1991

..... hal.50

JADUAL 2: KEDUDUKAN TANAH-TANAH YANG DITADBIR OLEH
AGENSI KERAJAAN DI DAERAH MUAR SEHINGGA DISEMBER 1994

..... hal.74

JADUAL 3: ANALISIS KAEDEAH PEMBAHAGIAN PUSAKA BAGI
HARTA MILIK PERSENDIRIAN UNTUK TEMPOH JANUARI SEHINGGA
JUN BAGI TAHUN 1991-95

..... hal.168

JADUAL 4: ANALISIS KAEDEAH PEMBAHAGIAN PUSAKA BAGI
HARTA YANG DITADBIR OLEH AGENSI KERAJAAN UNTUK TEMPOH
JANUARI SEHINGGA JUN BAGI TAHUN 1991-95

..... hal.176

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A: Peta Daerah Muar.
- LAMPIRAN B: Profail Daerah Muar.
- LAMPIRAN C: Senarai Kedudukan Tanah-tanah Rezab Melayu di Daerah Muar.
- LAMPIRAN D: Senarai Kedudukan tanah-tanah yang ditadbir oleh agensi kerajaan di Daerah Muar.
- LAMPIRAN E: Perjanjian di antara pihak Felda dengan Peneroka.
- LAMPIRAN F: Borang A - Permohonan Tuntutan Pembahagian melalui Unit Penyelesaian Pusaka Kecil.
- LAMPIRAN G: Contoh surat akuan sumpah bukti kematian.
- LAMPIRAN H: Borang B - Notis Pengeluaran Pemberian.
- LAMPIRAN I: Borang C - Pengesahan Daripada Mahkamah Tinggi.
- LAMPIRAN J: Contoh Sijil Akuan Faraid dari Mahkamah Syariah Daerah Muar.
- LAMPIRAN K: Borang D - Notis Petisyen dan Pendengaran.
- LAMPIRAN L: Borang H - Perlantikan Pemegang Amanah.
- LAMPIRAN M: Borang R - Surat kebenaran untuk memindahkan kes.
- LAMPIRAN N: Borang E - Perintah Pembahagian.
- LAMPIRAN O: Borang F - Surat Akuan Mentadbir.
- LAMPIRAN P: Borang FF- Jadual Senarai Harta Si Mati.

- LAMPIRAN Q: Borang P - Permohonan ulangbicara.
- LAMPIRAN R: Borang permohonan tuntutan pembahagian melalui Amanah Raya Berhad.
- LAMPIRAN S: Contoh Petisyen perintah pembahagian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi.
- LAMPIRAN T: Contoh Proses Pembahagian harta pusaka bagi harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan.
- LAMPIRAN U: Borang Persetujuan memilih kaedah Pembahagian.
- LAMPIRAN V: Laporan Prestasi Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar sehingga Jun 1997.

PENDAHULUAN

Disertasi ini adalah suatu rancangan penyelidikan Ijazah Tinggi Syariah dalam bidang pentadbiran pusaka. Ia akan membincangkan suatu tajuk yang berkaitan dengan amalan pembahagian harta pusaka di mana kajian ini akan menfokuskan kepada orang-orang Islam di Daerah Muar. Kajian ini penting memandangkan sehingga saat ini masih belum terdapat suatu kajian yang terperinci dilakukan oleh mana-mana pihak khususnya di Daerah Muar.

Bagi mencapai matlamat ini, kajian akan dilakukan dengan membuat penelitian ke atas jenis harta-harta peninggalan si mati termasuklah harta milik persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan. Di samping itu, kajian ini akan membincangkan undang-undang yang dipakai dalam mengendalikan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka. Ini termasuklah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955; Akta Probet dan Pentadbiran Pusaka 1959, Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 dan sebagainya. Di samping itu, ia juga akan membincangkan prosedur yang diamalkan dalam urusan pembahagian harta pusaka berdasarkan jenis dan harta yang ditinggalkan oleh si mati.

Di samping itu, penulis juga akan meneliti terhadap

kaedah pembahagian harta pusaka yang diamalkan oleh masyarakat Islam di daerah ini termasuklah ke atas harta milik persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan. Di akhir perbincangan ini, penulis akan meneliti segala permasalahan yang berkaitan dalam mengendaliakan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di daerah ini.

Setelah menyedari betapa pentingnya kajian ini dijalankan, penulis telah memilih daerah kelahiran penulis sendiri sebagai kajian kes. Dengan minat yang mendalam, penulis telah memilih tajuk "Amalan Pembahagian Harta Pusaka Orang-orang Islam di Daerah Muar, Johor" sebagai memenuhi keperluan di peringkat sarjana Syariah.

MATLAMAT KAJIAN

Penulisan disertasi ini dibuat kerana beberapa matlamat yang tertentu iaitu:-

a). Meneliti secara ringkas konsep pusaka di dalam Islam di samping meningkatkan kefahaman dan pengetahuan penulis berhubung Ilmu Fiqh al-Mawāarith, kaedah dan perlaksanaannya menurut Islam.

b). Meneliti kedudukan harta orang-orang Islam di Daerah Muar sama ada harta milik persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan.

c). Meneliti prosedur pentadbiran dan pembahagian harta pusaka yang dipakai di dalam pembahagian harta milik persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan di Daerah Muar. Perbincangan ini meliputi undang-undang dan lain-lain peraturan yang diamalkan.

d). Meneliti kaedah pembahagian harta pusaka yang diamalkan ke atas harta milik persendirian di Daerah Muar sama ada berdasarkan kaedah pembahagian secara *farā'id* atau kaedah persetujuan bersama (muafakat) dan apakah kaedah pembahagian ini turut diamalkan terhadap harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan.

e). Meneliti permasalahan di dalam mengendalikan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di Daerah Muar sama ada permasalahan yang timbul di kalangan ahli waris, pentadbiran dan perundangan serta kaedah yang terbaik untuk menyelesaikan masalah tersebut.

f). Untuk menjadi asas kajian kepada kajian-kajian seterusnya tentang pembahagian pusaka berdasarkan hukum syarak di kalangan masyarakat tempatan.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam menyusun disertasi ini, penulis akan menggunakan metod pengumpulan data dan metod penafsiran dan penulisan.

a). Metod pengumpulan data

Dalam usaha mengumpulkan data dan fakta. penulis akan menggunakan metod-metod berikut:

i). Metod Dokumentasi

Metod Dokumentasi adalah cara pengumpulan data dengan berpandukan kepada dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Di antara dokumen-dokumen yang digunakan ialah al-Quran dan al-Hadith. buku-buku rujukan. manuskrip-manuskrip, kumpulan kertas-kertas kerja serta sumber-sumber *primary* yang berkaitan dengan kajian ini.

ii). Metod Temubual dan Kajian Luar

Dalam pengkajian ini, penulis akan mengadakan beberapa siri temubual dengan mereka yang terlibat secara langsung dalam kajian ini seperti Pegawai Pentadbir Pusaka di Unit Penyelesaian Pusaka Kecil, Amanah Raya Berhad dan sebagainya.

iii). Kajian ke atas laporan dan penyata tertentu

Melalui metod ini, penulis cuba mendapatkan laporan dan penyata tertentu daripada pihak yang terlibat bagi menerang-

kan jenis-jenis harta yang dimiliki oleh orang-orang Islam di Daerah ini. Juga, segala laporan yang berkaitan dengan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di Daerah Muar seperti laporan kes-kes perbicaraan, laporan prestasi dan sebagainya.

iv). Metod pemerhatian

Metod ini dilakukan melalui pengamatan secara langsung terhadap objektif yang dikaji. Ia lebih berbentuk pemerhatian dan pengalaman penulis dengan menghadiri perbicaraan yang melibatkan kes pembahagian harta pusaka orang-orang Islam sama ada di Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar atau Mahkamah Tinggi Muar.

b). Metod Penafsiran dan Penulisan

Dalam menganalisa data-data, penulis menggunakan metod Induktif dan metod Komparatif.

i). Metod Induktif

Melalui metod ini, penulis akan menganalisa data-data yang dikemukakan untuk memperlihatkan perkembangan terhadap amalan pembahagian harta pusaka dari sejak mula ia diamalkan di negara ini sehingga sekarang dalam bentuk yang lebih tersusun dan teratur.

ii). Metod Komparatif

Melalui metod ini, penulis akan membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan ke atas beberapa data-data yang diperolehi. Melalui metod ini, penulis akan membuat penganalisaan terhadap sejumlah 350 kes-kes tuntutan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam di daerah ini untuk tempoh 6 bulan pertama bagi tahun 1991-95. Analisa ini merangkumi harta milik persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan. Ini termasuklah menganalisa terhadap pemakaian kaedah-kaedah pembahagian yang diamalkan dalam menyelesaikan urusan pembahagian harta pusaka.

Dalam usaha mencapai matlamat tersebut, penulis juga akan menggunakan beberapa buah perpustakaan dan Arkib iaitu:

- a. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- b. Perpustakaan Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya.
- c. Perpustakaan Awam, Pusat Islam Kuala Lumpur.
- d. Arkib Negara Malaysia.
- e. Perpustakaan Tun Sri Lanang,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
- f. Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur.

BIDANG KAJIAN

Penyelidikan ini berhubung dengan pentadbiran pusaka dengan menumpukan kajian terhadap amalan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam di Daerah Muar, Johor.

Penyelidikan ini akan meliputi pemakaian kaedah pembahagian pusaka yang diamalkan oleh orang-orang Islam di Daerah Muar dalam menyelesaikan urusan pembahagian harta tersebut termasuklah ke atas harta milik persendirian dan harta-harta ditadbir oleh agensi kerajaan.

MASALAH KAJIAN

Di dalam menyiapkan kajian ini, penulis telah menghadapi beberapa masalah. Antaranya, kurangnya bahan-bahan yang berkaitan dengan bidang kajian ini. Ini termasuklah bahan-bahan rujukan ilmiah yang ditulis oleh para sariana tempatan sama ada dalam bentuk penulisan atau terjemahan. Kebanyakannya sumber rujukan ini diperolehi daripada buku-buku hasil karangan para särjana Arab di mana ia memerlukan kepada kefahaman dan penelitian bagi mencapai matlamat kajian ini.

Penulis juga menghadapi masalah untuk mendapatkan data-data lengkap berhubung dalam kajian ini. Memandangkan terdapat banyak agensi yang terlibat di dalam kajian ini di samping data-data yang diperolehi dalam keadaan tidak tersu-

sun, penulis terpaksa melakukan pengolahan dan penguraian agar ia benar-benar dapat difahami.

Selain itu, penulis juga menghadapi masalah perhubungan yang jauh di antara tempat pengajian dengan lokasi kajian. Ia memerlukan kepada perbelanjaan yang besar memandangkan negara kini sedang menghadapi kegawatan ekonomi.

Walau bagaimanapun, penulis bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana kemampuan yang terbatas. penulis akhirnya dapat menyiapkan kajian ini. Semoga kajian ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak.